

No. File.: EJ03460001

Tarikh : 28 April 2011

Kepada : Semua pihak yang berkaitan

**Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Penilaian Pensijilan Pengurusan Hutan Untuk Unit Pengurusan Hutan (FMU) Kelantan**

SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pemantauan pensijilan pengurusan hutan di FMU Kelantan yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Kelantan.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FMU Kelantan menurut Kriteria dan Petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia [MC&I (2002)] berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Penilaian Tahap 1 ke atas FMU telah dijalankan pada 19-21 Mei 2009 dan Penilaian Tahap 2 dijalankan pada 27-31 Julai 2009. Manakala audit verifikasi telah dijalankan pada 12-13 April 2010. Audit pemantauan akan dijalankan pada 29 Mei-2 Jun 2011.

Maklumat FMU Kelantan adalah seperti berikut:

Lokasi	Negeri Kelantan
Saiz FMU	424,497 ha
Jenis Hutan	Dry Inland Forest
Spesies Utama	<i>Dipterocarp &amp; Non-Dipterocarps</i>
Sistem Pengurusan Hutan Semasa	<i>Sustainable Forest Management</i>

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian adalah;

- 1) Samsudin Musa – Lead Auditor ( *Forester/Ecologist* )
- 2) Khairul Najwan Ahmad Jahari – Auditor ( *Forester* )

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;
7. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
8. Pendedahan ringkasan kepada umum.



Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pensijilan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FMU Kelantan berpandukan MC&I (2002). Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaian biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif mahupun negatif melalui surat, faks atau emel. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima komen atau maklumbalas sebelum atau semasa penilaian dijalankan.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. Sekiranya ada bantahan dalam aspek proses pensijilan atau keputusan pensijilan, anda boleh mengakses SIRIM QAS International di [www.sirim-qas.com.my](http://www.sirim-qas.com.my).

SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,



**RADZIAH MOHD DAUD**

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

**SLIP JAWAPAN**

Tarikh :

Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd  
Bangunan 4, Kompleks SIRIM  
1, Persiaran Dato' Menteri  
Seksyen 2, P.O. Box 7035  
40911 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p : Pn Radziah Mohd Daud)

No. Faks: 03-5544 6763

**Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Penilaian Pensijilan Pengurusan Hutan Untuk Unit Pengurusan Hutan (FMU) Kelantan**

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap Unit Pengurusan Hutan (FMU) Kelantan untuk ditentukan oleh kumpulan penilai yang ditugaskan semasa audit pemantauan kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

---

---

---

---

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi sebagai sumber komen dan maklumbalas terhadap FMU Kelantan.

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Organisasi : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_